Helaian Fakta Mengenai Penghijauan Perniagaan Halal

Apakah itu GHB?

Penghijauan Perniagaan Halal (Greening Halal Business, GHB) membantu PKS halal menjadi lebih lestari dan berdaya saing melalui latihan, perisian perakaunan karbon dan pembiayaan hijau.

Komponen utama GHB:

1. **Peningkatan Kemahiran Hijau (Green Upskilling)**
   Latihan berkaitan kelestarian: Akses kepada latihan percuma oleh pakar industri mengenai asas ESG serta perisian berkaitan peralihan hijau.
2. **Pembiayaan Hijau (Green Financing)**
   Akses kepada pembiayaan kompetitif daripada 10 bank peserta untuk membiayai aktiviti peralihan, selepas selesai kitaran pertama pelaporan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas*, GHG) (selama 12 bulan).
3. **Penilaian Impak (Impact Assessment)**
   Memantau kemajuan berdasarkan indikator impak yang dibangunkan oleh Bank Dunia, dengan tumpuan diberikan kepada pengurangan pelepasan GHG dan peningkatan daya saing perniagaan sepanjang tempoh program.
4. **Perisian perakaunan karbon (*carbon accounting software*) *(bersubsidi)***
   Akses kepada perisian untuk mengukur dan melaporkan pelepasan GHG (Skop 1 dan 2), yang sebahagiannya dibiayai oleh Kerajaan iaitu hingga RM5,000 bagi setiap syarikat.

Bagaimanakah GHB menyokong perniagaan?

GHB membantu PKS halal mengambil langkah awal ke arah amalan perniagaan yang lebih lestari dan bersesuaian dengan operasi perniagaan mereka. Sokongan diberikan melalui tiga perkara utama:



1. **Meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan kos**
   GHB membantu PKS memahami dengan lebih baik cara sumber seperti elektrik, penggunaan bahan api dan bahan mentah digunakan dalam perniagaan mereka:
   - PKS menerima latihan asas berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance,* ESG) serta kelestarian bagi meningkatkan kesedaran mengenai pemacu kos, pembaziran, pematuhan yang lazim dan peraturan terkini ESG; dan
   - Akses kepada perisian perakaunan karbon bersubsidi yang akan membolehkan PKS menjejak pelepasan GHG dengan penggunaan tenaga dan sumber. Hal ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap ketidakcekapan operasi, sekali gus menggalakkan pengurusan kos yang lebih baik dalam jangka masa panjang selepas isu-isu tersebut ditangani.

Data Penting:

- Sebanyak 80% daripada PKS halal di Malaysia berada dalam sektor makanan & minuman (*food & beverages,* F&B) serta pertanian dan merupakan perniagaan yang berasaskan intensif sumber.[1] Hal ini bermakna PKS tersebut berhadapan dengan kos operasi yang lebih tinggi serta lebih terdedah pada kenaikan harga tenaga dan input, yang akan mempengaruhi keuntungan.

[1] Sumber: Laporan Bank Dunia 2025, "Islamic Finance and Climate Agenda: From Green Sukuk Innovation to Greener Halal Value Chains"

- Pengukuran pelepasan GHG membantu PKS mengenal pasti pembaziran tenaga. Dari masa ke masa, penambahbaikan kecekapan yang kecil berdasarkan data ini telah menghasilkan penjimatan sekitar 30-50% dalam program yang seumpama dengannya.[2]



2. Meluaskan peluang perniagaan melalui pematuhan

- Pada masa ini, isu kelestarian dalam keputusan perolehan dan rantaian bekalan semakin diberikan keutamaan. GHB menyediakan laluan yang tersusun untuk PKS bertindak dengan lebih berkesan. PKS yang melaksanakan amalan lebih lestari serta melaporkan maklumat kelestarian, termasuk pelepasan karbon, berpotensi untuk:
  - Mempertingkatkan kebarangkalian untuk dipilih sebagai pembekal, terutamanya oleh pembeli yang mengutamakan kelestarian dalam pemilihan pembekal; dan
  - Mempunyai pengalaman yang lebih lancar dalam penilaian rantaian bekalan, terutamanya apabila prestasi kelestarian turut dinilai sebagai faktor harga dan kualiti.

Hal ini membantu PKS untuk kekal berdaya saing dalam pasaran serta rantaian bekalan yang semakin mengutamakan kelestarian sebagai nilai ditambah.

Data Penting

PKS berisiko untuk kehilangan hasil sebanyak RM292 bilion (USD65.7 bilion) disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap keperluan ESG yang ditetapkan oleh rakan dagang.[3]



3. Memastikan perniagaan kekal relevan dalam menghadapi tuntutan ESG global yang semakin meningkat

Penyertaan dalam GHB akan membantu PKS membuat penyesuaian lebih awal sebelum tuntutan ini menjadi mandatori:

- Mulai tahun 2027, syarikat tersenarai awam perlu melaporkan pelepasan Skop 3 di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (National Sustainability Reporting Framework, NSRF). Hal ini bermakna PKS yang merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan turut dikehendaki melaporkan pelepasan Skop 1 dan 2 mereka.

[2] Sumber: Penerbitan UNDP dan Asian Development Bank 2025, "Building Supply Chain Resilience: Insights into Greening Value Chains for ASEAN' Playbook"

[3] Sumber: Laporan Sustainable Finance Institute Asia 2022

<table>
<tr>
<td>Bagaimanakah untuk bermula?</td>
<td>Bersedia untuk menghijaukan perniagaan anda? Ayuh mulakan dengan S.T.A.R.T.:
<table>
<tr><td>S</td><td>See (Semak) Semak kelayakan perniagaan anda untuk mengambil bahagian</td></tr>
<tr><td></td><td>✓ Perniagaan perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Sabah atau Sarawak; DAN
✓ Perniagaan merupakan PKS (seperti yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Definisi PKS oleh SME Corporation Malaysia); DAN
✓ Memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria yang berikut:
• Mempunyai pensijilan halal yang sah dan aktif; ATAU
• Bersedia untuk melalui proses pensijilan halal; ATAU
• Terlibat dalam rantaian bekalan halal atau penyediaan perkhidmatan berkaitan halal.</td></tr>
<tr><td>T</td><td>Talk (Temu) Hubungi bank peserta pilihan anda dan daftar untuk menghadiri program</td></tr>
<tr><td></td><td>Sebanyak 10 bank peserta: Affin Islamic Bank, Agrobank, Bank Rakyat, CIMB Islamic, EXIM Bank, Hong Leong Islamic Bank, Maybank Islamic, MBSB Bank, SME Bank dan Standard Chartered Saadiq. Senarai penuh juga boleh didapati menerusi laman sesawang GHB.</td></tr>
<tr><td>A</td><td>Attend (Ambil) Hadiri satu sesi latihan mandatori (secara bersemuka atau dalam talian)</td></tr>
<tr><td></td><td>Tingkatkan pemahaman asas ESG anda melalui latihan percuma yang dikendalikan oleh pakar kelestarian. Sila rujuk bank peserta pilihan anda untuk pendaftaran.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Report (Rekod) Jejak pelepasan karbon anda</td></tr>
<tr><td></td><td>PKS dikehendaki melaporkan pelepasan GHG mereka menggunakan perisian yang disediakan oleh bank peserta selama 12 bulan. Hal ini akan menjadi asas bagi perancangan dan pelaksanaan aktiviti peralihan seterusnya serta dimasukkan dalam penilaian impak oleh Bank Dunia. Tiada bayaran dikenakan untuk mengakses perisian ini.</td></tr>
<tr><td>T</td><td>Transition (Transisi) Laksanakan peralihan perniagaan dengan sokongan pembiayaan daripada bank peserta</td></tr>
<tr><td></td><td>Bank peserta boleh menawarkan pembiayaan yang kompetitif bagi menyokong peralihan kelestarian anda. Aktiviti yang layak termasuk di bawah pembiayaan, tetapi tidak terhad kepada:
• Pembelian/penggunaan/sewaan/penyelenggaraan premis, peralatan, loji, bahan dan mesin yang diperakui hijau dan mampan
• Pengambilan perunding serta perbelanjaan bagi peralihan kepada perniagaan mampan
• Perbelanjaan untuk mendapatkan pensijilan kelestarian</td></tr>
</table>

Sila layari laman sesawang GHB (Penghijauan Perniagaan Halal - Bank Negara Malaysia) untuk maklumat lanjut.</td>
</tr>
</table>